

Najib bidas PKR reka fitnah

UM : 9/7/2007

Oleh ROZILAN SALLEH
dan SAHBULAH DARWI

BUKIT MERTAJAM 8 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak menempelak pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang disifatkannya sebagai tidak bermaruah apabila mereka pelbagai fitnah terhadap pemimpin negara termasuk cuba mengaibkan beliau dengan mencipta gambar palsu bersama seorang wanita kononnya Altantuya Shaariibuu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, selain beliau sendiri yang menjadi mangsa, pemimpin PKR juga melempar fitnah dan membuat pelbagai dakwaan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sekali gus membuktikan parti pembangkang itu mengamalkan politik tidak berprinsip dan tidak bermoral.

“Parti Keadilan tidak boleh (sesuka hati) hendak lempar fitnah, macam-macam fitnah dilemparkan, hendak mengata, sudah mengata segalanya, mengata Perdana Menteri dan mengata saya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

“Macam-macam perkara yang tidak ada pun diadakan, beria-ia sangat hendak kaitkan saya sampai gambar yang tidak ada pun hendak diadakan juga, beria-ia sangat.

“Ini bukan politik bermaruah, dalam apa-apa pun kita mesti ada maruah, prinsip dan moral,” tegasnya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan, di sini hari ini.

Semalam, Ketua Penerangan PKR, Tian Chua mengaku beliau mencipta gambar palsu yang mengaitkan Najib dengan Altantuya (bukan gambar sebenar) dan penganalisis politik, Abdul Razak Abdullah Baginda dalam laman blog miliknya tetapi enggan meminta maaf.

Walaupun membuat pengakuan, tinda-

kan Tian Chua itu tetap dipertahankan oleh Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sambil menyelar wartawan kerana hanya sibuk dengan gambar yang disifatkannya sebagai remeh tetapi berdiam diri apabila melibatkan isu-isu besar terutama fitnah yang dilemparkan terhadap pemimpin pembangkang.

Dalam pada itu, Najib mempersoalkan tindakan pemimpin tertinggi PKR yang sentiasa melihat segala tindakan kerajaan sebagai tidak betul sedangkan rakyat tahu apa yang pemimpin berkenaan lakukan ketika masih berada dalam UMNO dan kerajaan.

Tanpa menyebut nama, Najib berkata, pemimpin berkenaan disingkirkan daripada UMNO disebabkan masalah peribadi dan bukannya berpunca daripada soal dasar dan prinsip.

“Jangan kita kata orang lain tidak betul, tetapi kita sendiri buat angkara yang sebaliknya yang lambat laun orang akan tahu, saya percaya orang kampung pun sudah tahu segala-galanya, tidak payahlah hendak cakap, dahulu buat apa dalam UMNO.

“Bila keluar semuanya tidak betul, dasar tidak betul, padahal dalam UMNO kita tahu cerita dia, orang Pulau Pinang pun tahu cerita dia, dalam politik kena ada prinsip dan moral, jangan dahulu cakap lain, sekarang lain, semuanya tidak betul sedangkan dunia mengiktiraf UMNO sebagai parti paling berjaya dalam sistem demokrasi berparlimen,” jelasnya.

Menurutnya, pemimpin berkenaan ketika ini kelihatan bekerja lebih masa untuk berceramah ke seluruh negara setelah tewas dalam ujian paling besar pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Ijok di Selangor, April lalu.

Sementara itu, Najib berkata, UMNO mendapat pengiktirafan dunia apabila menjadi parti politik paling berjaya dalam sistem demokrasi berparlimen dengan menjadi tonggak kepada kerajaan Barisan



NAJIB Tun Razak menerima cenderamata replika feri Pulau Pinang daripada Dr. Ibrahim Saad pada Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan, di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam.

Nasional (BN).

Beliau berkata, ia berbeza dengan PKR yang cuba mengambil alih peranan itu apabila mahu menjalinkan kerjasama antara Pas dan DAP yang diketuai pemimpin ekstremis.

“Hendak gabungkan Pas dengan Haji Hadi dan Nik Aziz, satu yang ekstremis, Kit Siang dan Guan Eng ekstremis, saya tidak tahu macam mana hendak bergabung, akhirnya dia (PKR) akan terjongkang di tengah-tengah, tidak boleh, jangan main silap mata, kalau tidak ada kredibiliti, tidak payahlah, akhirnya orang tidak

akan yakin,” katanya.

Beliau juga tidak yakin PKR yang kini hanya mempunyai satu kerusi Parlimen yang dimenangi pada pilihan raya umum lalu, mampu memenangi kerusi lain selepas ini.

Menurutnya, ini kerana Pas yang bertanding banyak kerusi di Kelantan dan Terengganu serta DAP di Pulau Pinang sudah tentu tidak akan menyerahkan kerusi mereka kepada PKR.

“Sebab itu kita kena terima parti berkredibiliti dan yang ada kredibiliti ialah UMNO,” katanya.